

**Faedah pelaksanaan MS 1500: 2019 makanan halal (Keperluan umum) terhadap
keterjaminan makanan halal: Satu kajian awal**

ABSTRACT

Malaysia merupakan negara pertama yang memperkenalkan standard halal secara menyeluruh yang mencakupi pelbagai bidang dan meluaskan konsepnya melalui penggunaan aplikasi e-halal. Ini dapat dilihat dengan kewujudan standard halal Malaysia yang merupakan salah satu daripada lima inisiatif kerajaan untuk merealisasikan impian dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat makanan halal global. Malaysian Standard atau Standard Malaysia dan lebih dikenali sebagai (MS) adalah dokumen teknikal yang menentukan keperluan minimum kualiti dan keselamatan bagi penggunaan secara sukarela oleh umum. MS menjadi mandatori apabila agensi penguatkuasa menguatkuasakan MS melalui akta dan peraturan-peraturan yang relevan. Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan untuk membuat kajian awal serta menganalisis faedah pelaksanaan MS 1500: 2019 terhadap keterjaminan makanan halal. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kualitatif menerusi pendekatan analisis dokumen. Hasil kajian mendapati dengan mengaplikasikan MS 1500:2019 ini mampu memudahkan urusan kerja di hotel serta meningkatkan penghayatan konsep halalan tayyiban terhadap pihak yang terlibat dalam mengendalikan makanan. Selain itu, melalui pengaplikasian MS ini turut meningkatkan kerjasama pengurusan organisasi dan secara tidak langsung boleh meningkatkan imej organisasi secara tidak langsung bukan sahaja di Malaysia malah di mata dunia.